

# Masyarakat India tidak akan dipinggirkan - PM

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Masyarakat India tidak dipinggirkan dalam usaha negara membasmi kemiskinan tegar, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, sebagai Perdana Menteri adalah menjadi tanggungjawabnya untuk membantu masyarakat India yang tidak terkecuali berada dalam kategori termiskin di negara ini.

Kata beliau, kesungguhan itu juga dipamerkan apabila masyarakat India yang miskin turut mendapat manfaat daripada skim bantuan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang selama ini tertumpu kepada kaum Melayu bumiputera.

"Jumlah yang paling miskin, siapa? Melayu majoriti. Tetapi kategori termiskin dalam kalangan masyarakat miskin itu adalah juga orang India. Orang India itu warganegara kita. Rakyat kita. Saya sebagai Perdana Menteri itu tanggungjawab saya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan pembukaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Hea-

**"Jumlah yang paling miskin, siapa? Melayu majoriti. Tetapi kategori termiskin dalam kalangan masyarakat miskin itu adalah juga orang India. Orang India itu warganegara kita. Rakyat kita. Saya sebagai Perdana Menteri itu tanggungjawab saya."**

**ANWAR IBRAHIM**

wood, di sini semalam.

Anwar juga menolak dakwaan kononnya sokongan masyarakat India hanya dit-

agih semasa musim pilihan raya. Sebaliknya kata beliau nasib kaum itu sentiasa diberi perhatian meskipun kadangkala perlu mengambil sedikit masa.

"Saya mahu rakan-rakan faham. Tidak mudah, bila saya sebut macam ini saya sebut anak Melayu anak saya, anak Cina anak saya, anak India anak saya, anak orang Sabah, Sarawak, anak saya, baru saya boleh jadi Perdana Menteri yang baik," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan beliau mengambil pendekatan mudah untuk berbilang apa jua permintaan selagi ia disampaikan dengan baik dan munasabah serta tidak mengamalkan budaya melampau oleh mana-mana kaum.

"Saya tidak ada masalah. Bahasa Tamil, latihan guru Tamil, anak-anak India masuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), program Tekun untuk masyarakat India.

"Dulu AIM itu 100 peratus Melayu Bumiputera saya kata tak apalah apa salah, beri ruang kepada masyarakat India yang miskin, ambil mereka dan latih

dan beri peluang kepada mereka," katanya.

Beliau juga berkata, cadangan juga diangkat di peringkat Kementerian Pendidikan tentang bagaimana hendak meningkatkan mutu dan latihan kepada guru-guru bahasa Tamil serta bahasa Cina termasuk diberikan ruang tambahan dalam institusi latihan perguruan.

Mengenai Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan pada 18 Oktober ini, Perdana Menteri memberitahu persiapan sedang dilakukan namun membangkitkan bahawa pengumuman yang akan dibuat adalah memberi manfaat kepada semua dan bukan terhadap sesuatu kaum sahaja.

"Kalau orang Melayu kata mana projek bumiputera? Tak sebut (dalam Belanjawan). Tolong orang miskin itu ramai juga bumiputera, yang buat sekolah pun bumiputera, yang buat hospital pun bumiputera.

"Baik. orang India pula kata, mana ada untuk orang India. Bantuan AIM kita tak sebut Melayu ke India, tapi orang India dapat. Miskin tegar semua dapat (bantuan)," katanya.